



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PERKEMBANGAN TERKINI RUNDINGAN PENYEDIAAN SUATU KONVENSYEN, PERJANJIAN ATAU INSTRUMEN ANTARABANGSA LAIN YANG BERSESUAIAN MENGENAI PENCEGAHAN, KESIAPSIAGAAN DAN TINDAK BALAS BAGI MENGHADAPI PANDEMIK (INB WHO CA+) DAN PINDAAN BERSASAR *INTERNATIONAL HEALTH REGULATIONS* (2005)

11 NOVEMBER 2023

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bersama semua Negara Anggota telah bersepakat untuk menubuhkan dua platform rundingan antarabangsa iaitu *Intergovernmental Negotiating Body* (INB) untuk menghasilkan instrumen antarabangsa yang dikenali sebagai *INB WHO Ca+ (pandemic treaty)* dan *Working Group on Amendments to the International Health Regulations* (WGIHR) bagi memperkukuhkan aspek kesiapsiagaan, pencegahan, pengesanan serta respon terhadap pandemik di peringkat antarabangsa bagi mengurangkan impak terhadap sesebuah negara khususnya.

Draf berkenaan WHO CA+ (*Pandemic Agreement*) dan Pindaan IHR 2005 akan dibentangkan kepada WHA-77 pada bulan Mei 2024 untuk pertimbangan dan persetujuan Negara Anggota. Beberapa sesi

perbincangan dan rundingan berkenaan INB dan WGIHR ini masih berlangsung dan akan terus berjalan sehingga semua rundingan diselesaikan pada April 2024. Sehingga kini, rundingan bagi penyediaan dokumen INB WHO CA+ masih lagi di peringkat awal, tiada keputusan akan diberikan sehingga segalanya dipersetujui (*nothing is agreed until everything agreed*).

Baru-baru ini telah tular di aplikasi Whatsapp berhubung isu suntikan vaksin ISR yang bakal disuntik secara paksa kepada setiap rumah warga Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius terhadap penyebaran maklumat palsu tersebut. Pihak yang tidak bertanggungjawab ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat memandangkan KKM TIDAK PERNAH mengeluarkan sebarang arahan berkenaan suntikan secara paksaan kepada rakyat Malaysia dan vaksin ISR ini TIDAK WUJUD. Ini adalah fitnah dan tohmahan semata-mata dan boleh mencetuskan kegusaran dalam kalangan rakyat Malaysia serta mencalarakan imej KKM.

Justeru, orang ramai adalah diseru dan dinasihatkan untuk berhenti menyebarkan sebarang perkongsian maklumat palsu dan tidak sah yang boleh mendatangkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. KKM menasihati semua pihak untuk berhati-hati dalam menyebarkan informasi dan sentiasa memastikan kebenarannya sebelum berkongsi dengan mana-mana individu.

DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
11 NOVEMBER 2023